

# UPM bukti kehebatan

>>Oleh MALIK MUHAMAD

am@hmetro.com.my

**S**KUAD Universiti Putra Malaysia(UPM) sekali lagi membuktikan kehebatannya apabila muncul juara kali kedua berturut-turut dalam Kejohanan Bola Sepak TM Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum), di Universiti Sains Malaysia (USM) Sabtu lalu.

Dalam perlawanan akhir yang berlangsung dengan penuh debaran, UPM terpaksa menunggu hingga pentuan sepakan penalti sebelum menang 4-3, menewaskan pasukan Universiti

Teknologi Mara (UiTM).

Jurulatih UPM, Saheh Said, berkata selain mempertahankan gelaran juara Piala Celcom, skuad UPM juga muncul juara TM Uni-League 2007 yang berlangsung sebelum ini.

Menurutnya, kejayaan ini lebih manis dan amat bermakna kerana ramai pemain yang diturunkan adalah muka baru dan kali pertama beraksi untuk skuad UPM.

"Walaupun kami gagal menggunakan khidmat enam pemain Liga Malaysia yang beraksi untuk Selangor dan Selangor PKNS termasuk Razlan Jufri, Fazirul Za-

karia, Mohizam Shah, Kamarul Afiq dan Asmarul Faizil, kami masih mampu muncul juara," katanya.

Saheh berkata, komitmen dan disiplin yang tinggi ditunjukkan pemain adalah kunci kejayaan UPM mempertahankan gelaran biarpun tanpa enam tonggak utama.

"Selain kesungguhan pemain, pengurusan sistematik yang diterajui pengurus pasukan, Omar Osman dan dibantu Rozaini Abd Rahim, Zainal Abidin Yusof, Sharuddin Ibrahim, Mohd Masran Mat Aris dan Azman Hassan, adalah pembakar kejayaan UPM," katanya.



**JUARA...**pasukan UPM muncul juara Kejohanan Bola Sepak TM Masum di padang USM Pulau Pinang, Sabtu lalu.